



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA	
TARIKH	:	11/3/2021	MUKA SURAT : 6
JABATAN	:	JKPTG	
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>	

# Kedah mahu MIKN pindahkan Segera penempatan Myanmar

Utusan

Malaysia

11/3/2021

m/s 6

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI  
utusannews@mediamulla.com.my

**ALOR SETAR:** Kerajaan negeri mengharapkan Majlis Keselamatan Negara (MIKN) dapat memindahkan segera penduduk di penempatan haram di Bukit Malut, Langkawi, dekat sini memandangkan kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk membangunkan kawasan itu.

Kawasan penempatan haram yang diduduki warganegara Myanmar itu adalah milik Permodalan Kedah Berhad (PKB) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Besar, Muhammad Samusi Md. Nor berkata, penduduk di kawasan tersebut perlu dipindahkan segera kerana penempatan itu semakin luas hingga ke laut.

Menurutnya, tindakan itu perlu dilakukan bagi mengelakkan lebih banyak rumah dibina di kawasan berkenaan.

Jelasnya, penyediaan pelan dan perancangan bagi memindahkan penduduk di penempatan haram itu terletak di bawah bidang kuasa MIKN.

"Bagaimanapun, kerajaan negeri bersedia memberi kerjasama kepada MIKN bagi urusan perpindahan penduduk terlibat," katanya.



**PAPAN tanda menunjukkan tanah di Bukit Malut, Langkawi dimiliki Permodalan Kedah Berhad tetapi kini didiami warga Myanmar. - UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN**

Dalam pada itu, Muhammad Samusi memberitahu, kerajaan negeri sudah mengenal pasti dua tapak yang sesuai dijadikan sebagai penempatan semula penduduk terbabit.

Namun, beliau tidak mahu mendedahkan lagi kawasan penempatan baharu penduduk di Bukit Malut itu.

"Penduduk yang terlibat dengan proses pemindahan itu adalah mereka yang telah mendapat kewarganegaraan Malaysia dan memiliki MyKad," ujarnya.

Selain itu, menurutnya, kerajaan negeri juga mempunyai perancangan membangunkan tanah di penempatan penduduk di Bukit Malut.

"Kawasan itu sangat berpotensi untuk dibangunkan dan kita memang memiliki perancangan melakukan pembangunan di situ," katanya.